

## SIGNIFIKANSI KONSEP ISTIBDAL DALAM SISTEM PENGURUSAN WAKAF: ANALISIS DARI PERSPEKTIF FIQH DAN UNDANG-UNDANG

*Significance of Istibdal Concept in Waqf Management Systems: An Analysis from Fiqh and Law Perspectives*

Hisham Sabri<sup>i</sup> & Siti Mashitoh Mahamood<sup>ii</sup>

<sup>i</sup>(Corresponding author), Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya. Email: hishams@usim.edu.my.

<sup>ii</sup> Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya. Email: mas68@um.edu.my.

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Wakaf adalah merupakan sebahagian dari sektor ijtimai'ie dan merupakan agen penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Namun begitu, aset wakaf yang terbiar perlu diperkasakan demi meneruskan kelangsungan manfaat wakaf. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepentingan konsep istibdal dalam pengurusan waqf. Kandungan kaedah analisis ini digunakan untuk membincangkan syarat pelaksanaan istibdal daripada pelbagai mazhab dan pengamal undang-undang untuk menyelesaikan masalah yang timbul daripada aset wakaf. Kajian ini mendapati bahawa kaedah istibdal boleh menjadi mekanisme yang berpotensi untuk memperkasakan nilai aset waqf dalam kelulusan dan bidang kuasa daripada jawatankuasa fatwa negeri. Analisis komprehensif dalam isu-isu pentadbiran dan undang-undang boleh dibincangkan melalui kaedah pensampelan pelaksanaan istibdal di negara-negara yang berkaitan. Diharapkan dapatan kajian waqf istibdal akan berguna untuk Majlis Mesyuarat Agama Islam Negeri untuk memperkasakan sistem pengurusan wakaf.</i></p>	<p><i>Waqf, as one of the ijtimai'ie sector is an important agent for Muslim economic development. However, the abandoned assets of waqf need to be strengthened in order to continue the benefits of the waqf. This study aims to analyze the significance of istibdal concept in waqf management. Content analysis method is applied to discuss the conditions of istibdal implementation from various mazhab and law practitioners to resolve issues arising from the waqf assets. This study found that istibdal method could be a potential mechanism to empower waqf asset value within the approval and jurisdiction from state fatwa committee. Comprehensive analysis of administration and laws issues may discussed by sampling methods towards istibdal implementation at related states. It is hoped that the finding on istibdal waqf study will be useful for the State Islamic Religious Council to enhance waqf management system.</i></p>

Kata kunci : istibdal, wakaf, mazhab, undang-undang	
---	--

## 1.0 Pendahuluan

Islam amat menggalakkan umatnya untuk melaksanakan konsep *infaq fi sabilillah*. Ia bertujuan bagi membantu golongan yang lemah dan tidak berkeupayaan. Sehubungan itu, Islam juga telah mewujudkan satu bentuk kontrak *tabarru'* yang menjurus kepada pengabdian diri kepada Allah S.W.T. melalui harta benda seperti kontrak wakaf. Pelbagai *qaul* telah dibahaskan oleh para *fuqaha'* yang mentafsirkan wakaf sebagai satu ibadat, menyerahkan harta yang kita miliki untuk kegunaan masyarakat umum dengan niat wakaf. Ia juga adalah satu bentuk ibadah yang akan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Ia dilakukan bagi membantu golongan yang memerlukan kepada keperluan bantuan fizikal dan material.

Harta wakaf adalah instrumen penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Ia mampu menjana sistem ekonomi serangkai kepada komuniti Islam setempat. Oleh itu, pengurusan harta wakaf yang efektif akan memberikan pulangan yang positif kepada penerima manfaat. Namun begitu, kini pelbagai masalah dihadapi oleh pentadbir wakaf dalam menguruskan harta wakaf. Ia melibatkan isu nilai tanah, lokasi, kerosakan harta wakaf, keperluan masyarakat setempat dan lain-lain lagi. Sehubungan itu, permasalahan ini boleh diatasi dengan menggunakan pendekatan konsep istibdal. Oleh itu, penulis akan mengupas tentang perbahasan *fuqaha'* dari pelbagai mazhab dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan istibdal. Ia juga merangkumi elemen pematuhan syariah yang ditentukan oleh jawatankuasa fatwa negeri. Selain itu, penulis juga akan membincangkan tentang hujah fatwa serta perbahasan berkaitan dengan pengurusan harta wakaf di Malaysia.

## 2.0 Kontrak wakaf mengikut pandangan *fuqaha'*

Para *fuqaha'* telah membahaskan isu *aqad* wakaf dalam pelbagai dimensi. Namun, didapati bahawa istilah *aqad* wakaf yang diutarakan oleh *fuqaha'* adalah seiring dengan penjelasan dari beberapa hadis berkaitan wakaf. Konsep wakaf adalah merupakan penyerahan harta yang dapat diambil faedah daripadanya untuk kegunaan orang ramai. Manakala orang yang telah menyerahkan hartanya iaitu pewakaf tidak boleh memiliki semula kerana ia telah berpindah milik kepada Allah S.W.T. Apabila perkataan ini dinyatakan oleh pewakaf, maka berdasarkan pemutusan hukum syarak, ia tidak boleh lagi dijual dan faedahnya hendaklah digunakan oleh pihak yang dinyatakan sahaja iaitu penerima manfaat wakaf<sup>i</sup>.

Menurut Imam Muhammad Khatib al-Syarbiniy, definisi wakaf ialah menahan sesuatu barang yang boleh dipergunakan dengan mengekalkan bentuk fizikalnya mengikut peraturan-peraturan yang telah dibenarkankan oleh syarak<sup>ii</sup>. Sehubungan

dengan itu, penahanan yang dimaksudkan ialah tidak boleh berlaku perpindahan milik kepada pihak lain kecuali diletakkan kepada pengawasan pihak bertanggungjawab atau pemegang amanah yang dilantik.

### 3.0 Pengesahan status aqad wakaf sebagai akad lazim

Menurut pendapat para fuqaha', kontrak wakaf adalah aqad lazim. Ini bermaksud, sekiranya seseorang itu melafazkan perkataan wakaf terhadap sesuatu harta dibawah pemilikannya, maka kontrak wakaf itu adalah sah. Syariah juga mengiktiraf kata-kata individu tersebut tanpa memerlukan "qabul" dari penerima manfaat. Oleh itu, sekiranya si Ali menyatakan "aku wakafkan harta ini untuk anak-anak yatim di kampungku", maka kontrak wakaf tersebut adalah sah tanpa mendapat persetujuan terima "qabul" daripada kumpulan anak yatim tersebut. Selain daripada itu juga, kontrak ini tidak memerlukan keputusan dan penghakiman dari qadi bagi melengkapkan proses pemindahan hakmilik individu kepada penerima manfaat wakaf. Lafaz daripada pewakaf sudah cukup memadai untuk memeterai dan menguatkuasakan hukum wakaf ke atas harta tersebut. Walaubagaimanapun, kontrak wakaf ini tidak boleh menjadi lazim sekiranya aset yang hendak diwakafkan adalah barang yang tidak menjadi milikan seseorang seperti kulit binatang yang digunakan untuk tujuan ibadah korban<sup>iii</sup>. Oleh itu, bagi seseorang yang telah mewakafkan asetnya, maka proses perpindahan milik itu berlaku selepas ucapan akad wakaf itu dilaksanakan.<sup>iv</sup>

### 4.0 Sandaran dalil berkaitan pensyariatan aqad wakaf

Islam dibina atas landasan naqli dan aqli. Ia menjadi panduan kepada umat Islam dalam melaksanakan tuntutan dan perintah dari Allah s.w.t. Sehubungan itu, dalam mengistinbatkan pengharusan berkaitan hukum wakaf, para fuqaha' telah merujuk kepada al-Quran, hadith, ijma' dan lain-lain lagi. Oleh itu, aqad wakaf ini adalah berasaskan aqad tabarru' dan merupakan sebahagian dari kontrak muamalat.

Perkara ini diperkuuhkan lagi bersandarkan hadis sepertimana yang diriwayatkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda<sup>v</sup> :-

حَدَّى ثُ إِبْنُ عُمَرَ : ((أَنَّ عَمَرَ أَصَابَ أَرْضًا مِنْ أَرْضِ خَيْرٍ، فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَصَبْتَ أَرْضًا بِخَيْرٍ، لَمْ أَصْبِ مَالًا قَطُّ أَنفُسِي عَنِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُنِي؟ فَقَالَ: إِنْ شَئْتَ حَبْسَتْ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا فَتَصَدَّقْتَ بِهَا عَمَرٌ، عَلَى أَلَا تَبَاعُ وَلَا تَوَهَّبُ وَلَا تُورَثُ فِي الْفَقَرَاءِ وَذَوِي الْقُرْبَى وَالرِّقَابِ وَالضَّيْفِ وَابْنِ السَّبِيلِ، لَا جَنَاحٌ عَلَى مَنْ وَلَيْهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، وَلَا يَطْعَمَ غَيْرَ مَتَّمُولٍ)).  
رواه الجماعة

Maksudnya :

Diriwayatkan oleh Ibn Umar bahawa Saidina Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi Muhammad S.A.W. untuk minta tunjuk ajar tentang cara pengelolaannya, katanya: *Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di*

*Khaibar. Belum pernah saya memperoleh harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (yakni wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Saidina Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Saidina Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekaan hamba, juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah S.W.T. serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya.”*

Hadis ini menerangkan bahawa harta yang diwakafkan itu tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Ia mempunyai beberapa batasan khususnya yang berkaitan tentang jual beli dan penyewaan. Ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan perkataan "الحبس" yang pada hakikatnya membawa erti menegah. Penegahan ini bermaksud tidak menyerahkan harta yang diwakafkan kepada sesiapapun dan menghindar daripada pemilikan ke atasnya kecuali kepada Allah S.W.T sahaja.

## **5.0 Konsep Istibdal dalam kontrak wakaf dari kacamata Syariah al-Islamiyyah**

Secara umumnya, perkataan istibdal adalah gantian. Ia digunakan bagi sebahagian aset yang bersifat zat dan boleh dilihat. Kaedah istibdal ini juga mempunyai pertalian yang khusus dalam mengekalkan nilai harta berkenaan dan bukan zat asalnya<sup>vi</sup>. Namun begitu, ia telah dilaksanakan di negara Malaysia mengikut keperluan yang terlalu mendesak. Istibdal ini perlu melalui transaksi gantian harta wakaf yang asal dan ditukarkan dengan harta yang baru tetapi perlu mempunyai nilai yang sama atau yang lebih baik. Ia boleh berlaku gantian dalam bentuk rumah, bangunan, tanah dan sebagainya.

Namun begitu, dalam konteks di Malaysia, satu garis panduan telah dinyatakan dengan jelas mengenai konsep istibdal. Ia merupakan satu bentuk transaksi yang melibatkan pembelian sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai mawquf bagi menggantikan harta wakaf yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya<sup>vii</sup>. Sebagai contoh, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, Bahagian IX - Penentuan Hukum Syarak di bawah Seksyen 41 menyatakan istibdal *mawquf* boleh mengistibdalkan mana-mana *mawquf* jika kegunaan *mawquf* tidak mendatangkan manfaat atau kepentingan sebagaimana yang dikehendaki oleh *waqif*. Justeru itu, pihak jawatankuasa fatwa mempunyai autoriti dalam proses kelulusan pelaksanaan istibdal demi menjaga syiar dan memperkasakan pengurusan aset wakaf.

Berdasarkan perbahasan ini boleh disimpulkan bahawa pelaksanaan konsep istibdal membawa kepada pemanfaatan aset yang lebih baik, sama ada melalui tukaran, jualan atau belian mengikut ketentuan syarak. Bahkan syarat yang telah ditentukan oleh pewakaf perlulah dipenuhi dengan mengekalkan tujuan asal manfaatnya supaya ganjaran pahalanya akan sentiasa dinikmati oleh pewakaf.

## **6.0 Perundangan berkaitan amalan istibdal dalam pengurusan wakaf**

Telah dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, di bawah Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, perkara mengenai wakaf telah disenaraikan bersama dengan perkara mengenai hukum syarak dan undang-undang diri lainnya bagi orang-orang yang beragama Islam seperti berikut:

“...Hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahtaraan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat.....”

Oleh itu, pernyataan “wakaf” di dalam perlembagaan di atas adalah meliputi kesemua perkara berkaitan wakaf termasuk istibdal yang dibincangkan.

Perlembagaan Persekutuan telah memberi bidang kuasa kepada Negeri untuk mengadakan undang-undang mengenai wakaf berdasarkan Artikel 74. Oleh yang demikian, perlaksanaan istibdal termasuk dalam perkara yang dinyatakan. Namun begitu, didapati bahawa pelaksanaan istibdal dan peruntukan perundungan berkaitan dengannya tidak dinyatakan secara khusus di beberapa buah negeri berkaitan.

## **7.0 Pandangan fuqaha' terhadap harta wakaf yang boleh diistibdalkan**

Para fuqaha' membincangkan konsep istibdal seperti pendapat Imam Abu Zahrah bahawa sekiranya wakaf tidak dapat dimanfaatkan iaitu bersifat (*mu'attal*), maka ia boleh direalisasikan melalui proses istibdal<sup>viii</sup>. Ini menunjukkan bahawa konsep istibdal ini perlu diperhalusi dan dilaksanakan dengan lebih berhati-hati demi mematuhi kehendak syariat.

Pandangan dari mazhab shafie menyatakan bahawa masjid yang mengalami kerosakan teruk perlu diperbaiki dan mengekalkan hakmilik tanah wakaf masjid berkenaan<sup>ix</sup>. Contohnya ialah kewujudan sebuah masjid yang semakin sempit disebabkan pertambahan penduduk dan ianya tidak boleh diperluaskan disebabkan kedudukan geografi dan lokasi harta wakaf tersebut.

Menurut Mazhab Hanafi, sekiranya pewakaf membenarkan istibdal, maka harta wakaf tersebut boleh diubah serta diteruskan proses istibdal berkenaan. Namun, sekiranya pewakaf tidak mensyaratkan perkara tersebut, dan harta wakaf itu mengalami kerosakan yang teruk dan tidak mampu mencapai objektif wakaf, maka proses istibdal ini boleh dilakukan dengan mendapat keizinan qadi. Namun begitu, pihak qadi pula perlu mempertimbangkan pelaksanaan wakaf istibdal berdasarkan kepada faktor “maslahah umum”. Bahkan, proses istibdal ini juga tidak boleh dibuat walaupun sekiranya harta wakaf tersebut boleh mendatangkan keuntungan atau kebaikan yang lebih pada ketika itu.

Mazhab Maliki melarang penjualan harta wakaf “*al-habs*” walaupun telah rosak. Namun begitu, sekiranya pihak hakim melihat bahawa kemaslahatan umum hanya akan terjadi dengan penjualan harta wakaf tersebut, maka konsep istibdal perlu dilaksanakan dengan berhemah. Ini termasuk jika harta wakaf tersebut berbentuk baju yang telah rosak, kuda yang tidak berupaya untuk dimanfaatkan serta hamba abdi yang telah tua. Oleh itu, menurut Mazhab Maliki, harta wakaf yang telah dijual perlu dikembalikan dalam bentuk manfaat yang setimpal dengannya dan mempunyai nilai sama rata dengan nilai sebenar harta wakaf tersebut<sup>x</sup>. Namun begitu, hasil jualan harta wakaf tersebut perlu dibawa dalam mesyuarat nazir dan memutuskan tentang pembelian harta wakaf baru yang mempunyai nilai sama rata dengan harta wakaf tersebut.

Manakala menurut mazhab shafie, sebuah masjid tidak boleh diistibdalkan walaupun telah mengalami kerosakan. Ini disebabkan mengikut pandangan ini, ibadah solat masih boleh

diteruskan walaupun keadaan masjid berkenaan berada dalam keadaan yang rosak. Selain itu, sekiranya harta wakaf tersebut rosak dan tidak dapat dimanfaatkan seperti rumah yang musnah atau tanah yang tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan, maka dibolehkan untuk menjual bahagian wakaf yang telah rosak. Sehubungan itu, dengan hasil penjualan tersebut, boleh digunakan bagi mengurus tadbir baki harta wakaf berkenaan<sup>xii</sup>. Berdasarkan penyataan ini menjelaskan bahawa jemaah nazir boleh melakukan kaedah istibdal harta wakaf demi untuk meneruskan kelangsungan aset wakaf tersebut. Sebagai contohnya ialah sekiranya  $\frac{1}{4}$  ekar tanah masjid perlu diistibdalkan demi membantu membina semula bahagian lain masjid yang telah rosak adalah dibenarkan oleh syarak<sup>xiii</sup>. Ia bertujuan bagi mengimarahkan masjid lain supaya amalan ibadah solat dapat diteruskan secara berpanjangan. Kesannya, pahala setiap individu yang telah mewakafkan masjid berkenaan akan berpanjangan serta tidak menyebabkan pembekuan manfaat aset wakaf tersebut yang berpunca dari kerosakan di bahagian-bahagian tertentu.

Menurut pandangan mazhab hanafi juga, pewakaf mempunyai autoriti dalam melaksanakan istibdal sekiranya ia telah dinyatakan dalam syarat wakaf. Oleh itu, sekiranya masjid berkenaan telah rosak, maka pemilikan aset wakaf tersebut akan dipulang kepada tuan punya harta tersebut untuk dilaksanakan proses istibdal<sup>xiv</sup>. Walau bagaimanapun, pendapat ini boleh dibahaskan secara lebih terperinci khususnya dalam konteks pentadbiran wakaf di Malaysia.

Menurut mazhab shafie juga, sekiranya seseorang mewakafkan kuda untuk tujuan peperangan, namun disebabkan faktor umur yang semakin tua dan menyebabkan kuda tersebut tidak dapat digunakan dalam medan peperangan, maka ianya boleh dijual. Selain itu, jika seseorang itu mewakafkan tanah untuk tujuan pertanian, lalu selepas beberapa ketika, harta tersebut tidak dapat mendatangkan hasil, maka nazir boleh melakukan proses jualbeli atau membuat sewaan kepada pihak ketiga<sup>xv</sup>.

Manakala menurut Imam Ibnu Taymiyyah, proses pelaksanaan istibdal adalah dibenarkan sekiranya terdapat sesuatu maslahah yang jelas<sup>xvi</sup>. Hal ini disebabkan fungsi aset wakaf adalah untuk memberi manfaat kepada penerima wakaf. Namun begitu, sekiranya ia tidak dapat direalisasikan, maka konsep istibdal boleh dilakukan untuk mencapai objektif wakaf yang hakiki.

Walau bagaimanapun, sekiranya fizikal masjid yang rosak, maka dibolehkan untuk berpindah ke tempat lain dengan membawa bersama saki baki alatan dan bahan membuat bangunan masjid untuk digunakan dalam proses membina masjid baru. Namun begitu, semua isu berkaitan istibdal ini hanya boleh dilakukan jika terdapat “maslahah rajihah” yang diperakui oleh syariat.

## **8.0 Isu-isu berkaitan pentadbiran dan undang-undang wakaf di Malaysia**

Semua harta yang didaftar sebagai harta wakaf adalah dibawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ia menjadi lebih tepat dengan kewujudan enakmen khas yang diperuntukkan berkaitan hal ehwal orang Islam dengan penubuhan Majlis Agama Islam Negeri. Perkara ini adalah amat berbeza dengan negara lain dimana mereka meletakkan pengurusan harta wakaf dibawah bidang kuasa kerajaan pusat. Bahkan, sesetengah negara telah mewujudkan satu kementerian khusus berkaitan pengurusan harta wakaf di negara berkenaan. Bidang tugas yang diperuntukkan kepada kementerian ini ialah mengawal selia semua harta wakaf untuk menjamin kelestarian serta kepatuhan syariah. Beberapa negara yang melaksanakan pendekatan ini ialah Jordan dengan nama Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam, Jordan<sup>xvii</sup>

dan negara Kuwait dengan nama Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama Islam Kuwait<sup>xvii</sup>.

Manakala dalam konteks Malaysia pula, terdapat beberapa negeri yang telah memperuntukkan perkara wakaf secara lebih terperinci dalam undang-undang yang berasingan. Ianya dibuat dalam bentuk kaedah, peraturan dan ada yang melaksanakannya dalam enakmen yang khusus. Antara negeri yang telah mempunyai kaedah wakaf adalah Johor yang mewujudkan “Kaedah-kaedah Wakaf 1983”. Undang-undang ini mengandungi aspek-aspek berkaitan harta wakaf dan sistem pengurusannya. Secara dasarnya, Kaedah-kaedah wakaf 1983 menyatakan dengan jelas tentang perlantikan pegawai-pegawai wakaf, harta yang boleh diwakafkan, bidang tugas nazir dan lain-lain lagi.

Antara negeri yang telah memperkenalkan enakmen wakaf tersendiri adalah seperti negeri Selangor yang memperkenalkan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15), negeri Melaka dengan Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (Enakmen 5), Negeri Sembilan yang telah memperkenalkan Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (Enakmen 2), Perak dengan Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (Enakmen 9) serta Terengganu dengan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 (Enakmen 1).

Antara lain, undang-undang tersebut memperuntukkan tentang perkara istibdal seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 7 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, Majlis telah memberi keputusan iaitu boleh mengistibdalkan apa-apa mawquf tertakluk kepada Seksyen 41. Merujuk kepada Seksyen 41, ia menerangkan kuasa Majlis seperti yang berikut:

- (1) *Tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa, Majlis boleh mengistibdalkan mana-mana mawquf dalam hal keadaan yang berikut:*
- (a) jika mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;
  - (b) jika mawquf diambil oleh mana-mana pihak berkuasa mengikut mana-mana undang-undang bertulis;
  - (c) jika kegunaan mawquf tidak mendatangkan manfaat atau kepentingan sebagaimana yang dikehendaki oleh waqif;
  - (d) jika kegunaan mawquf tidak menepati tujuan wakaf;
  - (e) jika mana-mana syarat yang ditetapkan oleh waqif tidak dapat dilaksanakan disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan;
  - (f) jika Majlis hendak mengistibdalkan masjid atau tapak masjid yang telah menjadi mawquf;
  - (g) jika mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh waqif tidak dapat dilaksanakan dan Majlis berhasrat untuk melaksanakan wakaf itu dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh waqif; atau
  - (h) dalam hal keadaan lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.

## **9.0 Hujah pelaksanaan wakaf istibdal berdasarkan fiqh kontemporari**

Proses menjalankan sesuatu hukum perlu bersandarkan kepada hujah naqli atau sumber hukum syarak. Ia boleh didapati sama ada melalui al-Quran, sunnah, ijmak dan lain-lain lagi. Namun begitu, sandaran hukum perlu diperhalusi oleh para fuqaha' demi memastikan ruh pensyariatan dijunjung dengan utuh. Begitu juga dalam konteks pelaksanaan kontrak wakaf yang masyhur berkaitan tanah khaibar.

Namun begitu, isu pengurusan harta wakaf yang diistibdalkan juga disandarkan kepada amalan para Sahabat R.A. Telah diriwayatkan bahawa Saidina Umar r.a. telah menulis kepada Saad Bin al-Waqas dalam mempercayakan sistem perancangan bandar ‘town planning’ di

bandar Kufah. Ketika itu, Saidina Umar r.a. telah menyatakan supaya sebuah tapak masjid yang berada di tengah bandar kufah supaya dipindahkan ke tempat lain. Ini disebabkan kepadatan penduduk dan wujudnya elemen kemaslahatan ummah terhadap kedudukan geografi kawasan berkenaan. Akhirnya, tapak masjid berkenaan telah dijadikan pasar kepada semua penduduk setempat. Situasi ini tidak mendapat bantahan daripada Sahabat r.a. yang lain<sup>xviii</sup>.

Keadaan ini menjadikan prinsip asas dalam pensyariatan wakaf telah melalui proses dinamik dan fleksibiliti. Oleh yang demikian, ia tidak lagi menjadi masalah dan dikira sebagai ijma' dengan rujukan bahawa tiada seorang pun dalam kalangan Sahabat yang membuat bantahan terhadap tindakan yang dinyatakan oleh Saidini Umar r.a. ketika itu. Bahkan, sumber ijma' dalam fiqh pula tidak mendapat bantahan dari para fuqaha dalam mengistinbat hukum. Maka, para fuqaha menyatakan bahawa persepkatan para Sahabat ke atas isu baitulmal Kufah ini adalah satu ijma' ke atas istibdal harta wakaf tersebut<sup>xxix</sup>.

## **10.0 Contoh Pelaksanaan Wakaf Istibdal Berdasarkan Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri**

Setiap Majlis Agama Islam Negeri mempunyai kepatuhan standard untuk menguruskan harta wakaf. Ia adalah tertakluk kepada tatacara dan pemakaian undang-undang yang relevan dengan harta waakf tersebut. Sehubungan itu, jawatankuasa fatwa di peringkat negeri akan membuat keputusan pelaksanaan berasaskan kepada pembentangan fatwa isu istibdal dalam kes tanah wakaf terbiar, rosak ataupun yang melalui proses pengambilalihan tanah oleh kerajaan negeri. Ia akan dibincangkan secara khusus bagi memberikan impak yang baik terhadap pengurusan wakaf serta menjaga kesucian pensyariatan wakaf. Kedua-dua elemen ini menjadi antara perkara penting yang perlu diambil perhatian bagi tujuan tersebut. Dinyatakan disini beberapa pelaksanaan istibdal di beberapa negeri dalam pengurusan wakaf, antaranya:

### **10.1 Wilayah Persekutuan**

Amalan berkaitan istibdal ini juga telah dilakukan di Wilayah Persekutuan berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang melibatkan Lot 168 & 169, Jalan Perak, Kuala Lumpur. Didapati nilai harta tanah berkenaan amat tinggi dan terletak di lokasi strategik. Justeru, pembangunannya memerlukan dana yang tinggi di mana ini merupakan antara halangan yang perlu dihadapi.<sup>xx</sup> Sehubungan itu, Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang bersidang kali ke-35 pada 9. November. 1993 telah menetapkan dasar istibdal seperti berikut :

“Berdasarkan kepada maslahat umum dan keadaan yang sangat memerlukan (berhajat, dharurat) bagi menggalakkan dan memunaikan harta wakaf umat Islam, maka mesyuarat bersetuju mengharuskan wakaf istibdal”. Namun begitu, pihak mesyuarat juga telah mensyaratkan bahawa satu nilai harta yang sama nilai perlu diganti mengikut kadar harga semasa.<sup>xxi</sup>.(Wakaf istibdal ini telah diwartakan pada 5 April 1994 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Hartanah wakaf ini walaubagaimanapun telahpun dimajukan sebagai Menara Imarah Wakaf berketinggian 34 tingkat menerusi kaedah BOT (Build, Operate, Transfer) yang melibatkan kerjasama strategik MAIWP, Lembaga Tabung Haji dan Bank Islam Malaysia Berhad.<sup>xxii</sup>

## 10.2 Negeri Pulau Pinang

Jawatankuasa fatwa Negeri Pulau Pinang juga sentiasa melihat kepada pembangunan wakaf di Pulau Pinang. Ia akan mengambil kira segala bentuk cadangan Contohnya, kes wakaf Sekolah Mengengah Agama al-Mashoor yang menggunakan konsep Istibdal<sup>xxiii</sup>. Gabungan antara penggunaan konsep istibdal tanah di Balik Pulau dan sedikit dana wakaf tunai telah merealisasikan semula operasi sekolah berkenaan. Dalam hal ini, niat pewakaf untuk membangunkan aset wakaf tersebut bagi tujuan pengajian agama Islam dapat diteruskan melalui konsep Istibdal. Secara umumnya dapat dilihat bahawa implementasi istibdal ini telah membolehkan kuantiti pengambilan pelajar yang lebih besar. Ia meliputi pendidikan agama yang disebatkan dengan sistem pembelajaran arus perdana kepada umat Islam di Pulau Pinang dan Malaysia amnya. Bahkan sekolah baru yang didirikan itu telah dilengkapi dengan pelbagai fasiliti yang membantu kepada proses pembelajaran yang lebih sistematik. Ini menunjukkan bahawa konsep istibdal juga mempunyai implikasi positif dalam mengenalpasti mekanisme terbaik dalam pengurusan aset wakaf yang bermasalah. Namun begitu, konsep ini tidak boleh digunakan secara terbuka dan hanya berlaku dalam keadaan yang tertentu sahaja. Kesemua proses istibdal yang dilakukan juga adalah tertakluk kepada kebenaran dan keputusan jawatankuasa fatwa negeri masing-masing. Prosedur ini perlu dipatuhi yang bertujuan bagi mengelakkan penyelewengan dan ketidak patuhan syariah dalam mengurus tadbir harta wakaf di Malaysia.

## 11.0 Kesimpulan

Konsep pelaksanaan istibdal adalah satu bentuk anjakan paradigma dalam konteks pembangunan produk wakaf di Malaysia. Ia perlu diuruskan secara berhemah dan terperinci mengikut keperluan semasa. Prosedur berkaitan pelaksanaannya perlu dipatuhi dan dihormati demi menjaga kelangsungan pensyariatan wakaf. Konsep ini juga adalah merupakan satu bentuk alternatif untuk mengekalkan perkembangan harta wakaf demi mencapai kehendak dan matlamat pemberi wakaf. Bahkan, kesan kesinambungan ini juga akan mendatangkan manfaat secara lebih komprehensif diserata tempat. Walau bagaimanapun, aspek mencari keuntungan berlipat kali ganda harus dielakkan dalam melaksanakan istibdal kerana asas pengharusannya ialah faktor “pembekuan aset wakaf” atas pelbagai dimensi dalaman dan luaran.

Oleh itu, pandangan dan rundingan bersama pihak-pihak yang pakar dalam bidang agama, undang-undang dan ekonomi harus diambil kira bagi menjamin keberkesanan proses istibdal. Ia akan membantu jawatankuasa fatwa dan Majlis Agama Islam Negeri dalam membuat keputusan serta mengurus tadbir berkaitan istibdal untuk kebaikan bersama. Impak positif pula dipaksikan kepada sistem pengurusan aset wakaf bersendikan syariah bagi menyerikan perkembangan ekonomi semasa demi menjamin syiar Islam.

## RUJUKAN

<sup>i</sup>Ahmad Ibrahim, Mahmud Saedon Awang Mahmud *et al.* 1998. *Al-Ahkam Jilid 6 (Undang-Undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf)*. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur.Hlmn.: 157

<sup>ii</sup> al-Sharbiniyy, Mohammad Khatib. T.th. *Mughni Al-Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Al-Halabi. Jil-2. Hlmn.:376.

<sup>iii</sup> Abdul Mun'im Zainul Abidin. 2012. *Dhawabidh al-mal al-Mawquf Dirasah Fiqhiyyah Tatbiqiyyah Muqaranah*. Terbitan ; Dar al-Nawadir, Syria. Cetakan pertama. Hlmn. 105.

<sup>iv</sup> Luqman Haji Abdullah. (2010). Istibdal harta wakaf dari perspektif mazhab shafi'e. *Jurnal Fiqh*, No. 7, 71-82.

- <sup>v</sup> al-Syawkaniyy, Muhammad bin <sup>c</sup>Ali. 1961M. *Nail al-Awtar Syarah Muntaqa al-Akhbar min Ahadith Sayyid al-Abrar*. Cet. ke-3. Kaherah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa Albabi al-Halabi. Jil.-6. Hlmn.:20.
- <sup>vi</sup> Muhammad Abu Zahrah. 1971. *Muhadarat fi al-Waqf*. Terbitan Dar al-Fikr al-Arabi, Kaherah. Cetakan ke-dua. Hlmn.: 171
- <sup>vii</sup> Manual Pengurusan Istibdal Wakaf. 2010. Terbitan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Putrajaya. Hlmn.: 8.
- <sup>viii</sup> Muhammad Abu Zahrah. 1971. *Muhadarat fi al-Waqf*. Terbitan Dar al-Fikr al-Arabi, Kaherah. Cetakan ke-dua. Hlmn.: 162
- <sup>ix</sup> Al-Syarbini al-Khatib(t.t), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al- Ma‘rifah, Hlmn. 502.
- <sup>x</sup> Jasni bin Sulong. 2013. *Journal of US-China Public Administration*. Permissibility of Istibdal in Islamic Law and the Practice in Malaysia. ISSN: 1548-6591. Vol. 10. Hlmn. 684.
- <sup>xi</sup> Muhammad Sharafuddin Khattab, as-sayyid Muhammad as-sayyid et.al (tahqiq) . 2001. *al-Mughni (Imam Ibnu Qudamah al-Maqdisi)*. Terbitan ; Dar al-Hadis, al-Qaherah. Jilid – 7. Hlmn. 606.
- <sup>xii</sup> Soleh Bin Fauzan Bin Abdullah al-Fauzan. 2001. *Al-Mulakkhas al-Fiqhiy*. Terbitan Dar al-‘Asimah, Riyadh, Saudi Arabia. Cetakan pertama. Hlmn. 204.
- <sup>xiii</sup> Ibn ‘Abidin. 1994. *Hasyiah Ibn ‘Abidin* , Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah. Jilid-6. Hlmn. 583.
- <sup>xiv</sup> Abu Abdul Rahman Muhammad ‘Atiyyah. 1995. *al-Mukhtasar al-Nafis fi ahkam al-waqf wa al-tahbis*. Hlmn.49.
- <sup>xv</sup> Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Abdul Halim. 1987. *Majmu’ al-Fataawa*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Jilid-4. Hlmn. 283.
- <sup>xvi</sup> Laman web Kementerian Wakaf Dan Hal Ehwal Islam, Jordan, <http://www.awqaf.gov.jo/EchoBusV3.0/SystemAssets/PDFs>, diakses pada 4. Sept. 2017.
- <sup>xvii</sup> Laman web Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama Islam Kuwait, <http://islam.gov.kw/Pages/en/Default.aspx>, diakses pada 4. Sept. 2017.
- <sup>xviii</sup> Wahbah al-Zuhailly. 1996. *Al-Wasaya wa al-waqfi fi al-fiqh al-Islami*. Terbitan Dar al-Fikr, Beirut. Cetakan kedua. Hlmn.197.
- <sup>xix</sup> Sharafuddin Abi al-Naja Musa Bin Ahmad al-Hijawi. T.th. *al-Raudul al-Murbi’ Bi Syarh Zad al-Mustaqni’ – Mukhtasar al-Muqni’ fi fiqh Imam al-Sunnah Ahmad Bin Hanbal al-Syaibaniyy R.A*. Terbitan Darul Kutub al-Ilmiah, Beirut. Jilid pertama . Hlmn.269.
- <sup>xx</sup> Siti Mashitoh Mahamood.2002. Pelaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia. Kuala Lumpur. Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, UM. Hlmn.26-27.
- <sup>xxi</sup> Nik Mustafa Haji Nik Hasan. 1999. Sumbangan Institusi Wakaf kepada Pembangunan Ekonomi” dalam Nik Mustapha Hj Nik Hassan (eds.)’s, Konsep dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. Hlmn. 56.
- <sup>xxii</sup> Siti Mashitoh Mahamood. 2014. Awqaf Properties in Malaysia. ISFIRE (Islamic Finance Review). London.
- <sup>xxiii</sup> Tn Hj Fakhruddin bin Abd Rahman, Pengarah Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Temubual dengan kumpulan pakar pada Jun 2018.